

W A C A N A

PROFES

*Pemantapan Perkembangan
Pendidikan Melalui Budaya Penyelidikan*



BILANGAN 6 2006

ISSN 1675 - 669X

Dr. Sluhi Bin Lamat @ Narawi

Teacher Efficacy And Self-Regulation of Learning :
A Study of Teachers and Students in the Malaysian Schools

Dr. Mary Wong Siew Lian

Development of a Teachers' Rating Scale for Measuring
Secondary School Students' use of Self-Regulated Learning Strategies

Associate Prof. Dr. Hong Kian Sam

Understanding the "Invert and Multiply" Algorithm in the Division of Fractions

Mohd. Yusop bin Haji Lugom

Teori Pembelajaran Berhubung dengan Sikap dan Motivasi belajar Bahasa Inggeris

Dr. Norsiah Fauzan, Chima Musit, Helen Alam dan Regina Stewart

Tinjauan Masalah Peras Ugut di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah
Menengah di Sekitar Bandaraya Kuching

Dr. Lau Hieng Soon

Perceptions on Preliminary Impact of the Pensiangan – Salinantan Programme:
an Efficiency Implication

Dr. Shafie Haji Lugom

Pelaksanaan Program Pendidikan Khas Di Sarawak : Satu Pandangan Kajian

Jais B Sahok

Knowledge Management in Kuching Teacher Resource Centre

Mahli Bin Hj. Rosli

Gaya Kepemimpinan Pengetua: Dari Transaksi ke Transformasi

Dr. Shahri Abdul Rahman

Kepemimpinan 'Instructional' : Merealisasi Pengurusan Sekolah yang Berkesan

Tinjauan Masalah Peras Ugut di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Sekitar Bandaraya Kuching

oleh

Dr. Norsiah Fauzan

Chima Musit

Helen Alam

Regina Stewart

Universiti Malaysia Sarawak

1.0 PENGENALAN

Sejak kebelakangan ini golongan remaja semakin mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat kerana penglibatan mereka dalam perbuatan jenayah. Media massa seringkali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang kenakalan remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang melanda mereka. Salah satu daripada penyakit sosial yang mula menular di kalangan remaja yang masih bersekolah ialah masalah peras ugut. Dengan itu, kajian telah dijalankan untuk mengumpul maklumat mengenai jumlah kes peras ugut yang berlaku di sekolah menengah di sekitar bandaraya Kuching, mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan berlakunya masalah peras ugut di kalangan para pelajar sekolah menengah dan mengemukakan cadangan untuk langkah penyelesaian masalah peras ugut di kalangan pelajar sekolah menengah

Kertas kerja ini akan membincangkan tentang masalah peras ugut yang semakin berleluasa di kalangan remaja sekolah yang berusia antara 7 hingga 18 tahun. Golongan ini mempunyai tanggungjawab dan peranan yang amat penting di dalam penerusan dan pengekalan institusi-institusi dan sistem-sistem kemasyarakatan negara. Pendek kata, untuk merealisasikan wawasan 2020, remaja merupakan generasi penyambung dan penentu pembangunan negara. Namun begitu, para remaja tidak dapat lari dari masalah dan kerenah tingkah laku negatif. Salah satu dari proses yang banyak mempengaruhi tingkah laku dan cara hidup para remaja hari ini adalah proses urbanisasi.

Peras ugut adalah suatu keadaan di mana seseorang individu melakukan kekerasan terhadap individu lain dengan tujuan untuk mendapat faedah seperti wang, atau menyuruh individu melakukan sesuatu tanpa rela dan ada kalanya melibatkan kekerasan fizikal sehingga mendatangkan kecederaan. Peras ugut merupakan satu daripada masalah sosial yang kebiasaannya bermula dari sekolah. Pelajar-pelajar sekolah akan dipujuk oleh rakan sebaya untuk menjadi anggota kongsi gelap yang mereka sertai. Kesan daripada aktiviti ini menyebabkan berlakunya gejala sosial seperti pergaduhan, ponteng, peras ugut dan meminta wang perlindungan di sekolah. Kes peras ugut di kalangan pelajar sering berlaku, contohnya ada di antara pelajar sekolah menengah telah dipukul hanya kerana tidak mahu menyerah wang ugutan sebanyak RM1.

Fenomena di atas telah mewujudkan suatu keadaan yang kurang selamat di sekolah. Para pelajar yang lemah akan berasa terancam dan ibubapa sentiasa berasa gundah dan bimbang memikirkan keselamatan anak-anak mereka di sekolah. Pihak guru pula semakin tertekan kerana menanggung beban tanggungjawab yang kian mencabar.

1.2 **Penyataan Masalah:**

Timbulnya masalah ini mungkin disebabkan oleh perubahan-perubahan akibat globalisasi yang memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi, sains dan teknologi, cara hidup, sosio ekonomi, sistem kepercayaan, nilai dan moral masyarakat yang terlibat. Corak kehidupan hasil daripada proses modenisasi telah memberi peluang kepada dominasi nilai-nilai individualistik, materialistik dan semangat bersaing untuk bertapak dalam masyarakat zaman ini terutamanya kepada golongan remaja.

Ini adalah kerana para remaja merupakan golongan yang melalui peringkat kritikal perubahan diri dari segi mental, emosi dan fizikal. Perubahan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja. Pelbagai fenomena yang ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan para remaja menghadapi tekanan ini dengan bersifat memberontak. Sifat memberontak merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pelbagai masalah disiplin para pelajar di sekolah.

Suatu ketika dahulu, masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah hanya berkisar di sekitar kenakalan mereka merosakkan harta benda awam, ponteng sekolah, ponteng kelas, merokok, melepak dan sebagainya. Namun sekarang, mereka semakin berani melakukan pelbagai perbuatan yang bercanggah dengan norma masyarakat dan undang-undang negara.

Laporan yang didedahkan oleh akhbar tempatan sepanjang tahun 1997-2003, menunjukkan bahawa generasi penerus negara ini mengalami masalah keruntuhan akhlak pada peringkat yang membimbangkan. Walaupun ianya bukan isu baru, tetapi dahulunya ia hanya membabitkan pelajar-pelajar sekolah yang melanggar peraturan sekolah, tidak berdisiplin serta ponteng. Kini, remaja dan pelajar sudah berani menganggotai kongsi gelap, melakukan peras ugut, menyamun, merogol dan membunuh.

Masalah peras ugut di kalangan remaja sekolah adalah satu fenomena yang jika tidak dibendung dari awal akan menjadi satu agen pemusnah kepada pembangunan negara. Ini adalah kerana perbuatan peras ugut adalah satu titik permulaan kepada aktiviti yang tidak bermoral seperti rasuah dan pembunuhan. Di kalangan remaja, peras ugut bermula dengan tumbukan dan kata-kata ugutan serta melibatkan jumlah wang yang kecil. Namun lama-kelamaan ia akan bertukar kepada penggunaan senjata merbahaya serta melibatkan wang dalam jumlah yang banyak.

Sejak kebelakangan ini, masyarakat Malaysia sering dikejutkan dengan beberapa kes pergaduhan dan pembunuhan yang melibatkan pelajar sekolah. Hasil daripada kajian yang dibuat didapati bahawa kes ini bertitik-tolak daripada kegiatan peras-ugut yang melibatkan pelajar seawal usia 11 tahun serta wang berjumlah serendah RM1. Menyedari betapa bahayanya fenomena ini kepada pembangunan insan khususnya dan pembangunan negara amnya, maka adalah menjadi satu keperluan untuk menjalankan kajian tentang masalah peras ugut di kalangan para pelajar di sekolah menengah dengan bermula dengan sekolah-sekolah yang terletak di sekitar bandaraya.